

U B235 DEB
MAHATHIR - JALAN RAYA

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN MUNGKIN MEMPERKETATKAN PENGELUARAN LESEN MEMANDU DENGAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK UJIAN TERUTAMA MENGENAI ETIKA JALAN RAYA BAGI MENGURANGKAN KEMALANGAN JALAN RAYA DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KURSUS-KURSUS MEMANDU JUGA AKAN DIADAKAN MEMANDANGKAN BAHAWA SIKAP MEMANDU DENGAN BENGIS, MARAH DAN TIDAK SABAR, MERUPAKAN PUNCA SEBAHAGIAN BESAR KEMALANGAN.

+SAYA BOLEH BERI PENGAKUAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGADAKAN SEBERAPA BANYAK KEMUDAHAN BAGI MENGURANGKAN KEMALANGAN,+ KATANYA SEMASA TEMURAMAH DENGAN RTM DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MERUPAKAN Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Keselamatan Jalan Raya berkata kerajaan mempunyai beberapa idea yang dipercayai boleh mengurangkan kemalangan, tetapi pada analisis yang terakhir, kemalangan jalan raya bergantung kepada para pengguna jalan raya.

BELIAU BERKATA, BILANGAN KEMALANGAN DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI KERETA YANG LEBIH BANYAK ADALAH JAUH LEBIH RENDAH BERBANDING DENGAN DI MALAYSIA. -- LAGI.

1701MST 23 04 90

U B237 DEB
MAHATHIR - JALAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, INI DISEBABKAN PENGGUNA JALAN RAYA DI SANA MEMPUNYAI ETIKA PENGGUNAAN JALAN RAYA DAN MENGGUNAKAN JALAN RAYA DENGAN BERSOPAN, IAITU MEREKA SANGGUP MEMBERI JALAN, TIDAK TERLALU GOPOH, TIDAK SELALU MEMANDU LAJU DAN MENGAMBIL KIRA ORANG LAIN.

BELIAU MEMBERI CONTOH BILANGAN KERETA DI JEPUN HAMPIR 55 JUTA IAITU HAMPIR SEBUAH KERETA BAGI DUA ORANG TETAPI BILANGAN KEMALANGAN JALAN RAYA TIDAKLAH BERLIPAT GANDA MENGIKUT BILANGAN KERETA.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA BILANGAN KERETA DI MALAYSIA CUMA KIRA-KIRA SEJUTA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEPATUTNYA BILANGAN KEMALANGAN DI JEPUN 55 KALI LEBIH BANYAK DARIPADA DI MALAYSIA.

TAMBAHNYA, HAL YANG SERUPA JUGA BERLAKU DI AMERIKA SYARIKAT DAN DI EROPAH.

+DALAM HAL INI, KITA SELALU MENGANGGAP ORANG LAIN YANG SALAH. KITA HARUS BERTANYA KEPADA DIRI KITA SAMA ADA KITA JUGA SALAH,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ANTARA LANGKAH YANG AKAN DILAKUKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN KEMALANGAN IALAH MEMBINA PEMBAHAGI JALAN, MENINGKATKAN RONDAAN OLEH PIHAK BERKUASA JALAN RAYA, MEMBINA PAPAN TANDA PERINGATAN DAN MEMPERBAIKI SERTA MELURUSKAN JALAN.

+KADANGKALA APABILA KITA LURUSKAN JALAN MEREKA MEMBAWA KENDERAAN DENGAN LEBIH LAJU DAN INI MENYEBABKAN KEMALANGAN JUGA,+ KATANYA DAN MENAMBAH TERPULANGLAH KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA UNTUK MEMBETULKAN SIKAP MEREKA. -- LAGI.

1706MST 23 04 90

U B240 DEB

MAHATHIR - JALAN RAYA 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, ADA KALANYA SESEORANG YANG CUKUP LEMAH-LEMBUT DAN BAIK, TETAPI APABILA MEMANDU KERETA, DIA MENJADI MANUSIA LAIN -- BENGIS, MARAH DAN TIDAK SABAR.

BELIAU JUGA BERKATA, JAWATANKUASA KABINET MENGENAI KESELAMATAN JALAN RAYA AKAN BERMESYUARAT SELEPAS HARI RAYA DAN MENGADAKAN MESYUARAT KHAS UNTUK MENGAJAI DAN MEMBERI IDEA BARU MENGENAI KESELAMATAN JALAN RAYA.

KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA YANG AKAN PULANG KE KAMPUNG SEMPENA HARI RAYA PUASA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI MEREKA SUPAYA CERMAT SEMASA DI JALAN RAYA.

+LEBIH BAIK SAMPAI LAMBAT DARIPADA MENEMPUH KEMALANGAN ATAU MUNGKIN MAUT DI JALAN RAYA.+

+KALAU KITA CEPAT SEKALIPUN, TIDAK SEBERAPA MINIT KITA CEPAT. WALAUPUN ADA ORANG YANG BERKATA DARI KUALA LUMPUR KE IPOH (SEJAUH 209 KM) MEMAKAN MASA 13 JAM, SAYA INGAT WALAUPUN 13 JAM, KALAU SAMPAI LEBIH BAIK DARIPADA TIDAK SAMPAI LANGSUNG. JADI INI KITA KENALAH INGAT,+ KATA PERDANA MENTERI.

-- BERNAMA.

1711MST 23 04 90